

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

## KKM siasat pelatih, pengamal pergigian haram

**Putrajaya:** Aduan yang diterima akan disiasat sebelum tindakan penguatkuasaan diambil menerusi peruntukan kuasa bawah Bahagian VI Akta Pergigian 2018 (Akta 804).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tanpa perlu tergesa-gesa, pihaknya perlu melakukan risikan dan siasatan terlebih dahulu secara terperinci bagi memastikan elemen kesalahannya dapat dibuktikan.

Beliau berkata, pihaknya sedar kegiatan pengamal haram itu turut membabitkan pihak yang memberi khidmat latihan kepada pengamal pergigian haram yang secara langsung boleh memberi pelbagai kesan buruk dan mengancam kesihatan masyarakat.

Justeru, katanya, kegiatan pengamal perubatan pergigian haram yang berleluasa ketika ini perlu ditangani secara bersama.

"Adalah menjadi tanggungjawab bersama dalam mengekang aktiviti pergigian haram yang berleluasa sama ada yang memberi rawatan mahupun yang menerima rawatan.

"Ini termasuk pihak yang memberi khidmat latihan yang tidak diiktiraf," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham menasihati masyarakat untuk mengajukan aduan secara rasmi kepada Program Kesihatan Pergigian, KKM atau e-mel ke [ohd@moh.gov.my](mailto:ohd@moh.gov.my) atau di talian 03-88834215.

Sebelum ini, beberapa siri artikel diterbitkan menerusi sebuah akhbar tempatan mengenai isu berkenaan.

Adalah menjadi tanggungjawab bersama dalam mengekang aktiviti pergigian haram yang berleluasa

*Dr Noor Hisham  
Abdullah,  
Ketua Pengarah  
Kesihatan*



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

## Kematian Covid-19 meningkat 12 kes

**Putrajaya:** Kes kematian akibat jangkitan Covid-19 kelmarin meningkat kepada 12 kes dan tiga daripadanya adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Sehingga kini, jumlah angka korban Covid-19 dilaporkan adalah sebanyak 36,044 kes dan daripada jumlah itu 7,659 kes adalah kematian sebelum sempat bantuan perubatan dapat diberikan.

Berdasarkan statistik semalam, sebanyak 3,083 kes baharu Covid-19 direkodkan kelmarin iaitu lebih tinggi berbanding 2,728 kes dilaporkan Isnin lalu.

Daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan itu, tiga daripada adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara. Ia sekaligus menjadikan jumlah kes Covid-19 di negara ini meningkat kepada

4,714,498 kes.

Sementara itu, kes aktif Covid-19 pula mencatatkan sebanyak 42,717 kes, dengan 41,042 atau 96.1 peratus daripadanya sedang menjalani kuarantin di rumah.

Sejumlah 35 pesakit berada di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), dengan 1,578 pesakit Covid-19 ditempatkan di hospital serta 62 pesakit lagi dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU).

Daripada jumlah itu, 35 pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan manakala 27 lagi tidak memerlukan alat bantuan pernafasan.

Mengenai kes sembuh, setakat semalam sebanyak 4,229 kes pulih direkodkan menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh wabak berkenaan adalah 4,635,737 kes.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : LOKAL

## Doktor gigi haram ancam kesihatan

**Putrajaya:** Kegiatan pengamal perubatan pergigian haram berleluasa ketika ini perlu ditangani secara bersama oleh semua pihak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, pihaknya sedar bahawa kegiatan pengamal haram itu meliputi pihak yang memberi khidmat latihan kepada pengamal pergigian haram yang secara langsung boleh memberi pelbagai kesan buruk dan mengancam kesihatan masyarakat.

“Menanganinya adalah tanggungjawab bersama dalam mengekang aktiviti pergigian haram yang berleluasa sama ada yang memberi rawatan mahupun yang menerima rawatan, termasuklah pihak yang memberi khidmat la-

tihan yang tidak diiktiraf.

“Aduan diterima akan diasasat sebelum tindakan penguatkuasaan diambil (serbuan) melalui peruntukan kuasa di bawah Bahagian VI Akta Pergigian 2018 [Akta 804],” katanya semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, untuk sebarang tindakan penguatkuasaan yang diambil, pihaknya perlu melakukan risikan dan siasatan terlebih dahulu secara terperinci bagi memastikan elemen kesalahan dibuktikan tanpa dilakukan tergesa-gesa.


Justeru, Dr Noor Hisham menasihati masyarakat untuk mengajukan aduan secara rasmi kepada Program Kesihatan Pergigian, KKM atau emelkan ke [ohd@moh.gov.my](mailto:ohd@moh.gov.my) atau dialian 03-88834215.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : FOKUS

KHAMIS 11 OGOS 2022



# KETAHUI FUNGSI PENDAKAP GIGI

FOKUS

Oleh Hafiz Ithnin

hafizithnin@mediaprima.com.my


Pendakap gigi sudah menjadi perkara yang tidak asing lagi buat si pemakainya. Malah, boleh dilihat ia penggunaannya merentasi pelbagai peringkat usia.

Namun, menjadi persoalan adakah kanak-kanak sesuai untuk memakai pendakap gigi? Ini kerana isu kesihatan dalam kalangan kanak-kanak pastinya menjadi perkara menjadi kebimbangan dalam kalangan ibu bapa atau penjaga.

Pakar Pergigian Ortodontik, Unit Ortodontik Klinik Pergigian Cahaya Suria, Dr Mohd Zamri Mohamed Makhbul berkata, pendakap gigi adalah sejenis alat yang digunakan dalam rawatan pergigian ortodontik.

Jelasnya, rawatan pergigian ortodontik adalah rawatan yang berfungsi untuk mengatur kedudukan gigi supaya berfungsi dalam keadaan yang baik dari segi kesihatan pergigian, pertuturan dan pengunyahan makanan. > 38

Tidak sesuai untuk kanak-kanak yang memiliki gigi susu kecuali keperluan maloklusi pakar pergigian



Ibu bapa atau penjaga perlu membawa kanak-kanak untuk mendapatkan nasihat pakar pergigian bagi mendapatkan rawatan yang seajarnya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 38

RUANGAN : FOKUS

# BUKAN UNTUK MELAWA

Penularan video penggunaan bahan berkenaan dikhuatiri mempengaruhi pihak tertentu untuk kegunaan kepada anak mereka

DARI MUKA 37

"Rawatan pergigian ortodontik yang menggunakan pendakap gigi biasanya bermula pada umur 12 tahun iaitu selepas semua gigi kanak-kanak (gigi susu) diganti kepada gigi dewasa (gigi kekal).

"Namun, pendakap gigi mungkin diberi pada pesakit kanak-kanak di bawah umur 12 tahun mengikut keperluan maloklusi kerana pakar pergigian ortodontik ingin menjalankan rawatan ortodontik pintasan ke atas gigi kekal yang tidak tumbuh pada kedudukan betul ketika masih dalam fasa transisi iaitu masih ada gigi susu yang belum tanggal," katanya.

Pakar itu berkata, baru-baru ini, terdapat video viral yang menunjukkan pemasangan pendakap gigi kepada kanak-kanak yang boleh menyumbang kepada penyalahgunaan cara rawatan pergigian dan sedikit sebanyak boleh mempengaruhi tanggapan masyarakat terhadap rawatan pendakap gigi.

"Pendakap gigi biasanya dilekatkan pada permukaan gigi kekal. Sekiranya pendakap gigi dilekatkan hanya untuk mengikut trend dan dipasang pada permukaan gigi susu, ia boleh bergerak.

"Pergerakan yang tidak terkawal kepada gigi susu itu seterusnya akan menjejaskan pertumbuhan gigi kekal yang masih terletak di dalam rahang iaitu di bawah akar gigi susu



Contohnya, pendakap gigi yang tertanggal berkemungkinan menyebabkan risiko pendakap gigi tertelan. Lebih merisaukan lagi sekiranya bahagian pendakap gigi yang tertanggal itu masuk ke saluran pernafasan

**DR MOHD ZAMBRI**



PEMAKAIAN pendakap gigi tidak sepatutnya menjadi trend untuk bergaya.



PEMASANGAN pendakap gigi kepada kanak-kanak akan menyukarkan proses pembersihan gigi.

berkenaan," katanya. Jelasnya, selain menjejaskan pertumbuhan gigi kekal, pemasangan pendakap gigi kepada kanak-kanak akan menyukarkan proses pembersihan gigi kerana golongan itu masih belum pandai untuk memberus gigi dengan betul.

"Memberus gigi yang kurang sempurna akan menyebabkan sisa-sisa

makanan terlekat pada pendakap gigi berkenaan dan seterusnya mendorong kepada karies gigi serta pembengkakan gusi.

"Pendakap gigi yang dipasang pada kanak-kanak juga boleh menyebabkan risiko pendakap gigi



PENDAKAP gigi biasanya dilekatkan pada permukaan gigi kekal.

tertanggal dari permukaan gigi," katanya.

Tambahnya, kanak-kanak lazimnya tidak tahu cara untuk memberitahu orang dewasa sekiranya terdapat masalah terhadap pendakap gigi mereka.

"Mereka sering menangis ketika masalah timbul dan ibu bapa yang tidak peka tidak akan sedar risiko yang sedang dialami.


"Contohnya, pendakap gigi yang tertanggal berkemungkinan menyebabkan risiko pendakap gigi tertelan. Lebih merisaukan lagi sekiranya bahagian pendakap gigi yang tertanggal itu masuk ke saluran pernafasan," katanya.

Jelasnya, keadaan ini boleh menyebabkan kematian sekiranya kanak-kanak itu lambat dibawa ke unit kecemasan hospital.

"Masyarakat perlu faham bahawa pemasangan pendakap gigi kepada kanak-kanak yang hanya untuk mengikut trend atau fesyen adalah berbahaya kerana boleh menjejaskan keadaan kesihatan gigi kanak-kanak pada masa depan," katanya.



PEMAKAIAN pendakap gigi biasanya untuk mereka yang sudah melepasi usia 12 tahun.



KANAK-KANAK yang mengalami masalah selepas memakai pendakap gigi biasanya sukar memaklumkan kepada ibu bapa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

## Amaran kepada pengamal pergigian haram di Malaysia

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius terhadap laporan pihak tidak bertanggungjawab yang memberi khidmat latihan kepada pengamal pergigian haram.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setiap aduan akan disiasat sebelum tindakan penguatkuasaan diambil mengikut peruntukan kuasa di bawah Bahagian VI Akta Pergigian 2018 (Akta 804).

"Untuk tindakan penguatkuasaan, risikan dan siasatan perlu dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan elemen kesalahan dapat dibuktikan tanpa dilakukan dengan tergesa-gesa," maklumnya dalam kenyataan pada Rabu.

Kenyataan itu merujuk beberapa artikel daripada akhbar tempatan berbahasa Inggeris antaranya bertajuk *The terrible 'tooth' of fake dentists* dan *How I became a 'dentist' in just five hours* pada 4 dan 5 Julai lepas.

Akta Pergigian 2018 (Akta 804) berkuat kuasa 1 Januari lepas itu, mensyaratkan hanya pengamal berkelayakan, berwibawa dan profesional didaftarkan serta layak memberi perkhidmatan pergigian.

Di bawah Seksyen 62(3) akta sama, mana-mana individu yang melanggar peruntukan subseksyen 62(1) akta itu dan disabitkan melakukan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Tambah Dr Noor Hisham, kegiatan pergigian haram juga meliputi pihak yang memberi khidmat latihan, boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk dan mengancam kesihatan masyarakat.



Kegiatan pergigian haram boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan masyarakat. (Gambar hiasan)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Henti moratorium program perubatan

Oleh AHMAD FADHULLAH  
ADNAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu memansuhkan moratorium atau pembekuan ke atas program perubatan di institusi pengajian tinggi (IPT) sehingga jumlah pegawai perubatan siswazah (PPS) mencapai jumlah yang diperlukan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap Hartal Doktor Kontrak, Dr. Muhammad Yassin berkata, trend pengambilan PPS atau doktor pelatih yang menurun dalam tempoh tiga tahun ini membimbangkan.

“Penurunan ini boleh jadi disebabkan tawaran perjawatan tetap dikurangkan dan jumlah pelajar perubatan yang kurang.

“Moratorium program perubatan sebelum ini dibuat dalam tempoh lima tahun sehingga 2016 dan selepas itu dilanjutkan. Namun, kita bukannya mahu pemansuhan secara me-

nyeluruh diambil, tetapi kena ikut urutan yang diperlukan dan berapa lagi tambahan yang kita perlukan.

“Kuota pelajar di program perubatan dan penawaran kursus baharu bidang perubatan perlu dikawal dan kena pantau betul-betul,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Hartal Doktor Kontrak dalam satu hantaran di media sosial sebelum ini memaklumkan, jumlah PPS atau doktor pelatih menunjukkan penurunan sejak 2019 iaitu iaitu 6,136 (2019) kepada 5,113 (2020) dan diikuti 4,007 (2021).

Malah sehingga April lalu, pengambilan dua kali iaitu pada 399 (Februari) dan 516 (Mei) masih tidak mencukupi.

Kekurangan itu menyebabkan Kementerian Kesihatan membuat cadangan menukarkan sistem waktu bekerja PPS kepada sistem atas panggilan (On call).

Mengulas lanjut, Dr. Yassin



**PENURUNAN** pengambilan pegawai perubatan siswazah sejak tiga tahun akan mengakibatkan negara kekurangan doktor yang diperlukan.

berkata, Kementerian Kesihatan juga boleh menetapkan satu angka secara kasar setiap tahun supaya dapat mencapai sasaran

doktor pelatih.

Bagaimanapun, katanya, Kementerian bertanggungjawab tidak boleh terlalu bergan-

tung kepada angka tersebut kerana dalam masa sama perlu mengambil kira keperluan dan kecukupan doktor pelatih.

Beliau menambah, penukaran semula sistem waktu bekerja PPS kepada sistem panggilan juga dilihat bukan satu langkah yang terbaik ketika ini.

Katanya, ini kerana Kementerian Kesihatan sepatutnya menambah bilangan doktor pelatih atau memastikan mereka tidak keluar dari perkhidmatan kerajaan.

“Sebelum tahun 2018 memang guna sistem *on call*, selepas itu berubah kepada sistem syif kerana sistem *on call* yang terlalu panjang dan tidak berapa bagus untuk mental doktor.

“Sistem syif lebih baik untuk doktor sebab cuma perlukan kira-kira 60 jam (waktu bekerja) dalam seminggu, jadi doktor lebih suka sebab kerja tak berapa panjang dan masa lebih lapang untuk kami belajar,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS



People lining up for Covid-19 booster shots at the Pavilion Bukit Jalil vaccination centre in Kuala Lumpur last month. FILE PIC

## DAILY UPDATE

## 3,083 new Covid-19 cases, 12 deaths

**KUALA LUMPUR:** The country recorded 3,083 new Covid-19 cases on Tuesday, a slight increase from the 2,863 infections reported to the Health Ministry a day before.

Three were imported cases and the others were local transmissions.

This brought the cumulative Covid-19 cases to 4,676,518 since the start of the pandemic, according to the ministry's CovidNow portal.

Almost half of the new cases were detected in the Klang Valley, with the highest, or 773 cases, reported in Kuala Lumpur, followed by 605 cases in Selangor.

Three-digit number of cases were also reported in Sabah (258), Perak (248), Negri Sembilan (240), Kedah (160), Melaka (130), Sarawak (122) and Penang (117).

Twelve fatalities were recorded, bringing the country's Covid-19 death toll to 36,044. Three were brought-in-dead cases.

With 4,229 recoveries, there were 42,717 active Covid-19 cases up to Tuesday.

Out of this, 96.1 per cent, or 41,042 people, were placed under home quarantine, 1,578 were receiving treatment at health facilities and 62 patients were being treated in the intensive care units, with 35 requiring breathing assistance.

The remaining 35 patients were placed at Covid-19 quarantine and treatment centres.



**AKHBAR : THE SUN**  
**MUKA SURAT : 9**  
**RUANGAN : SPEAK UP**

## Tobacco, cancer are threats we can do without

**TOBACCO** is one of the most significant threats to public health.

Each year, it kills more than eight million people, including about 1.2 million who die from second-hand smoke inhalation.

Tobacco products include cigarettes, cigars, roll-your-own, waterpipe smoking and vape products.

Regardless of which form it takes, all forms of tobacco are bad for health.

There is no safe level of exposure to tobacco as the toxins can weaken the body's immune system, making it harder to kill cancer cells.

When this happens, the growth of cancer cells can't be stopped.

Tobacco smoke contains toxins that can damage or change a cell's DNA.

DNA is the "instruction manual" of a cell. It controls how a cell grows and works.

When a DNA cell is broken, a cell can start to grow out of control which can lead to cancer.

Tobacco is the leading cause of lung cancer, with nearly nine out of ten lung cancer deaths caused by smoking tobacco or second-hand smoke exposure.

In Malaysia, lung cancer is the third common cancer followed by breast and colorectal cancer.

Each year we have about 3,000 cases of people who have been diagnosed with lung cancer in Malaysia, with over 90% of cases found at a later stage (three and four) in both sexes.

Other than lung cancer, cancer can happen almost anywhere in your body if you smoke.

Cancers caused by tobacco include colon, mouth, nose and sinuses, pharynx (upper throat), larynx (voice box), oesophagus (food pipe), pancreas, liver, stomach, kidney, breast, ovary, bladder, prostate and leukaemia.

Over 80% of the 1.3 billion tobacco users live in low- and middle-income countries, including Malaysia.

Tobacco use also makes people poorer due to its high costs and it diverts money away from basic needs such as food and shelter.

The economic costs of tobacco are high, with large amounts of money spent on health care to treat diseases.

The global economic cost of smoking-attributable diseases from health expenditures and productivity losses was estimated at US\$1.436 trillion (RM6.4 trillion) in 2016, equal to 1.8% of the world's annual gross domestic product.

Almost 40% of this cost is in developing countries, which shows how much these countries have to bear.

In Malaysia, the government and private sector each spend between RM7 billion and RM8 billion per year to treat tobacco-related illnesses such as lung cancer.

This brings the total cost of treating patients to about RM16 billion per year.

Tobacco-related illnesses impose a heavy economic burden globally, particularly in developing countries. Governments need to undertake more strict tobacco control policies to reduce these costs.

According to Health Minister Khairy Jamaluddin, the Control of Tobacco Products and Smoking Bill 2022 intends to establish a Generational End-Game for non-smokers born on or after Jan 1, 2007.

The core of the Bill is to prohibit anybody born after Jan 1, 2007, from purchasing cigarettes and other tobacco and vaping products.

If implemented properly, it can save billions of ringgit in health expenditure and minimise the need to treat tobacco-related illnesses. We all want to live a healthier and longer life.

Please stay away from tobacco, save your money for doctors in future, and no tobacco for the next generation.

**Dr Soh Yih Harn, DrPH candidate,  
 Prof Dr Moy Foong Ming, Centre for  
 Epidemiology and Evidence-Based Practice,  
 Department of Social and Preventive  
 Medicine, Faculty of Medicine, Universiti  
 Malaya,  
 Dr Feisul Idzwan Mustapha, Public Health  
 Specialist, Health Ministry**